

KENYATAAN MEDIA

4,500 ANGGOTA SWM ENVIRONMENT BERTUGAS SEPERTI BIASA
580 kenderaan berjentera pastikan kelancaran operasi Tahun Baharu Cina

JOHOR BAHRU, 1 FEBRUARI – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dengan kekuatan seramai 4,500 orang anggota bersama sekitar 580 buah kenderaan berjentera akan beroperasi seperti biasa di 15 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor untuk menguruskan sisa pepejal yang dijangka meningkat sempena sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi.

Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, tumpuan akan diberikan kepada perkhidmatan Kutipan +1 merangkumi sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula bagi memenuhi keperluan masyarakat Cina yang bakal membuat pembersihan dan persediaan di kediaman masing-masing menjelang perayaan tersebut. Setiap premis kediaman dinasihatkan untuk menempatkan sisa-sisa tersebut di tepi tong sampah beroda atau di rumah sampah berpusat berdasarkan jadual yang ditetapkan.

SWM Environment juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk menguruskan sisa perayaan seperti mercun secara berhemah bagi memastikan keselamatan pekerja yang bertugas di lapangan terjamin. Penduduk di kawasan perumahan juga diingatkan untuk tidak meletakkan halangan seperti kenderaan di sepanjang laluan atau berhampiran tong sampah bagi melancarkan operasi perkhidmatan kutipan sisa sepanjang tempoh tersebut.

Sementara itu, pihak SWM Environment juga tampil dengan inisiatif galakan kitar semula sempena Tahun Baru Cina melalui penganjuran siri Kaunter KITAREcycle Pandu Lalu yang sehingga kini telah mengumpulkan sekitar 4,000 kilogram barangan kitar semula sejak mula diadakan pada awal bulan Januari lalu di Kluang, Kulai dan Johor Bahru. Orang ramai yang bersama menjayakan inisiatif Kaunter KITAREcycle Pandu tersebut boleh hantar barangan kitar semula anda pada 3hb Februari 2024 (Sabtu) bertempat di Eco Botanic, Iskandar Puteri atau pada 4hb Februari 2024 (Ahad) bertempat di Eco Tropics, Pasir Gudang dan Horizon Hills, Iskandar Puteri bermula dari jam 9:00 pagi hingga 2:00 petang.

Orang ramai juga boleh hantar barangan kitar semula mereka ke kemudahan KITAREcycle yang terpilih antaranya di SWM Environment Bandar Dato' Onn, Hab Kitar Semula @ B5, Sunway GRID Residence dan Hutan Bandar MBIP. Sebarang pertanyaan lanjut tentang perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan KITAREcycle boleh disalurkan melalui Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM di 012-618 0082.

TAMAT.



FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mulai tahun 2024, mata ganjaran yang terkumpul hanya sah untuk tempoh dua tahun dan boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor Selatan)

(Tel) 07 - 335 6000 / 016 – 783 6759

(Faks) 07 - 335 6005

(E-mel) livingwater.ponnusamy@swmsb.com